



KENYATAAN MEDIA

BELANJAWAN 2023: MEMBANGUN MALAYSIA MADANI MELALUI KONSEP PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN

25 Februari 2023, PUTRAJAYA – Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang menghargai dan menyambut baik Belanjawan 2023 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 24 Februari 2023.

2. “Dengan tema Membangun Malaysia MADANI, Belanjawan 2023 yang dibentangkan adalah selaras dengan prinsip MADANI yang mengutamakan kebijakan dan kesejahteraan rakyat Malaysia. Belanjawan ini jelas menunjukkan komitmen Kerajaan dalam memastikan keharmonian dan kemakmuran rakyat terus dipelihara,” jelas Datuk Aaron.
3. Belanjawan 2023 telah memperuntukkan pelbagai inisiatif bagi **menjamin keharmonian dan perpaduan** melalui **Ikhtiar 11**. Antara inisiatif tersebut adalah:
 - i. RM50 juta diperuntukkan bagi menggerak pelbagai program perpaduan dan integrai nasional antaranya Kembara Perpaduan Malaysia MADANI dan Ini Warisan Kita;
 - ii. RM50 juta disediakan bagi penyelenggaraan dan baik pulih rumah ibadat bukan islam seluruh negara;
 - iii. Geran padanan RM50 juta bagi mendorong penajaan sektor swasta untuk program sukan, khususnya sukan yang berteraskan perpaduan;
 - iv. Dana RM25 juta bagi menyemarak kegiatan kebudayaan dan kesenian di peringkat komuniti;
 - v. RM20 juta peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan bagi program perpaduan yang berlandaskan penerapan nilai-nilai murni antara kaum. Keutamaan diberikan kepada program sukan, kebudayaan dan kesenian di peringkat sekolah dan komuniti; dan

- vi. Bagi memupuk perpaduan di samping mengangkat peranan ibu bapa, komuniti dan NGO dalam pembangunan anak-anak di sekolah, Kerajaan bersetuju menyediakan RM20 juta untuk melaksanakan program gotong-royong di semua sekolah seluruh Malaysia.
4. KPN komited dalam membantu Kerajaan mencapai hasrat Belanjawan 2023. Dalam konteks ini, KPN percaya peruntukan yang diluluskan kepada KPN adalah responsif, bertanggungjawab, serta signifikan kepada bukan sahaja pemegang taruh KPN, malah juga komuniti dan masyarakat, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Kementerian Perpaduan Negara

25 Februari 2023

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

Pertanyaan media

Unit Komunikasi Korporat,

Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-15/5/4 Jld 2 (2)